

# UMS sasar dua emas pada Sukpit 2018

GL Oh DE 31.1.2018 8

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menetapkan sasaran sederhana pada Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (Sukpit) yang akan diadakan di UKM, pada 2-10 Februari.

Pasukan yang terdiri daripada 18 atlet dan tujuh pegawai itu berharap dapat membawa pulang dua emas, dua perak dan dua gangsa dalam enam acara (Taekwondo, Silat, Karate, Tenpin Bowling, Petanque, Olahraga) yang mereka sertai.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dr Ismail Ali, yang mewakili Naib Canselor pada majlis penyerahan bendera pada Selasa, menggesa kontinjen itu agar bersaing dengan semangat yang betul dan menambah bahawa insentif menarik akan diberi kepada atlet cemerlang.

Untuk rekod, UMS yang menampilkan 20 atlet menamatkan saingan di tempat ketujuh dalam kalangan 114 pasukan pada Sukpit 2016.



ISMAIL (berbaju hitam) bersama kontinjen UMS.